

# Pembelajaran Sejarah Di Institusi Pengajian Tinggi

Badriyah Haji Salleh  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

## Pendahuluan

Bilangan pelajar yang bermajor dan berminor dalam Bahagian Sejarah di peringkat pengajian tinggi kian meningkat tahun demi tahun. Ramai di antara mereka masih terbawa bawa dengan cara pembelajaran sejarah di peringkat sekolah, yang menekankan pembelajaran dan jawapan kepada soalan-soalan sejarah secara stereotype. Mereka masih mengharapkan supaya pensyarah-pensyarah menyuapkan segala-segalanya termasuklah nota-nota kuliah. Mereka masih terpengaruh dengan orientasi peperiksaan di sekolah-sekolah, iaitu mengenalpasti soalan-soalan yang popular dan menyediakan jawapan-jawapan yang khusus. Mereka masih belum yakin bahawa soalan-soalan sejarah sebenarnya tidak mempunyai satu jawapan yang mutlak; bahawa setiap pengkaji sejarah berhak untuk mengemukakan jawapannya yang tersendiri asalkan berlandaskan lunas-lunas pengkajian sejarah yang betul. Oleh kerana inilah ramai pelajar sejarah di peringkat pengajian tinggi, khususnya di universiti-universiti, menghadapi beberapa masalah untuk mengikuti kuliah-kuliah sejarah dan menghujahkan jawapan-jawapan dengan jitu. Dalam tulisan yang pendek ini, saya akan cuba mengenalpasti kelemahan-kelemahan pelajar-pelajar sejarah dan mencadangkan beberapa cara untuk mengatasinya.

## Kelemahan Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi

Kelemahan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi tidak wujud secara tiba-tiba. Ia sudah bermula dari peringkat sekolah lagi. Dua puluh lima tahun yang lalu sekumpulan guru-guru sekolah dan pensyarah-pensyarah sejarah dari Universiti Malaya di Kuala Lumpur telah mengadakan sebuah seminar membincangkan masalah-masalah pengajaran dan pembelajaran sejarah di Tanah Melayu (*History Teaching Its Problems In Malaya, 1964*). Di antara perkara-perkara yang telah diutarakan oleh pembentang-pembentang kertas kerja adalah mengenai kelemahan-kelemahan umum di kalangan pelajar-pelajar sejarah sama ada di peringkat sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Setelah meneliti perbincangan tersebut saya berpendapat bahawa sebenarnya kelemaham-kelemahan itu masih relevan dengan masalah yang pelajar hadapi sekarang. Di antara kelemahan yang telah disenaraikan adalah :

- ramai pelajar sejarah mempunyai pemikiran yang terpencil dan kurang kritikal,
- sikap pelajar yang kurang berminat,
- kelemahan pelajar dalam penguasaan bahasa Inggeris (Anthony Short dan Khoo Kay kim, 1964).

Para pembentang kertas kerja juga tidak menafikan bahawa unsur-unsur kelemahan di atas mempunyai sebab-sebab yang sah, misalnya, kekurangan buku teks di perpustakaan. Tambahan lagi buku-buku yang ada kebanyakannya adalah dalam Bahasa Inggeris. Kelemahan pelajar untuk menguasai bahasa ini telah melembabkan minat pelajar untuk

membaca. Kalau mereka kurang faham tentang erti dan maksud ayat-ayat yang berbentuk akademik, bagaimanakah pula mereka dapat mengikuti perbahasan yang diutarakan oleh penulis-penulis? Walau bagaimanapun, saya tidak juga menafikan bahawa selain dari kelemahan di dalam penguasaan Bahasa Inggeris, terdapat sebab-sebab lain yang lebih asas, iaitu mereka kurang memahami apakah sebenarnya kajian sejarah.

Ramai pelajar sejarah di peringkat institusi pengajian tinggi masih terbawa-bawa dengan cara pembelajaran sejarah (mungkin juga mata pelajaran yang lain) semasa di sekolah menengah dahulu. Mereka terikat ketat dengan tujuan untuk lulus peperiksaan, terutamanya peperiksaan-peperiksaan kerajaan, seperti Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Adalah sangat nyata bahawa di kedua-dua peperiksaan tersebut guru-guru dimestikan menghabiskan sukanan pelajaran, dan kejayaan ataupun kegagalan guru biasanya diukur dari pencapaian keputusan peperiksaan murid-murid mereka. Oleh itu tidaklah menghairankan jika guru-guru mengorientasikan pengajarannya bagi tujuan peperiksaan. Oleh yang demikian, secara langsung, tujuan dan matlamat pengkajian sejarah menjadi kurang penting. Maka tidaklah keterlaluan jika seorang guru sejarah sendiri mengamati bahawa kelembapan pengajaran sejarah adalah disebabkan oleh adanya ‘aranan’ dan bukan ‘pengajaran’, ‘ulangan’ dan bukan ‘pembinaan’. Dengan itu pelajar-pelajar menjadi ‘penerima’ dan bukan ‘pengasas’, serta ‘pengikut’ yang tidak bebas, lalu mempunyai kesamaan di antara satu sama lain, dan ini sangat merbahaya (Neoh, 1964).

Tujuan singkat pembelajaran sejarah untuk lulus peperiksaan itu telah diperkuuhkan lagi dengan adanya berpuluh-puluh jenis buku panduan sejarah di pasaran bagi peperiksaan-peperiksaan tertentu. Buku-buku panduan tersebut pula kebanyakannya ditulis oleh guru-guru sejarah dan pensyarah sejarah yang berpengalaman. Jadi keadaan ‘kesamaan’ di antara satu sama lain’ itu berterusan. Penerusan pendapat yang sama dalam sejarah seolah-olah telah memuktamadkan kesimpulan mengenai peristiwa-peristiwa bersejarah. Ini juga sebenarnya bertentangan dengan matlamat pengkajian sejarah yang tulin. Tabiat bergantung kepada jawapan-jawapan yang tersedia mengenai soalan-soalan sejarah yang dikemukakan di institusi pengajian tinggi masih diharapkan oleh pelajar-pelajar. Mereka akan kebingungan jika dikehendaki membuat penyelesaian sendiri.

Seperkara lagi yang disebut sebagai salah satu kelemahan di kalangan pelajar sejarah di institusi pengajian tinggi ialah tentang ‘sikap’ mereka yang merasa ‘cukup’ untuk lulus peperiksaan. Sikap mudah berpuashati ini disebabkan oleh ketiadaan minat dalam bidang yang dikaji. Walau bagaimanapun pelajar meneruskan juga pengkajiannya kerana didorong oleh harapan untuk mendapatkan kerja. Ini jelas dibuktikan terutama sekali apabila Kementerian Pendidikan Malaysia mengisyiharkan bahawa mata pelajaran sejarah telah dijadikan wajib di sekolah-sekolah menengah sejak 1987. Dengan pengisyiharan ini bilangan pelajar yang bermajor dan berminor dalam bidang sejarah telah meningkat dengan mendadak. Di Universiti Sains Malaysia, Bahagian Sejarah telah menerima permohonan yang meningkat sebanyak 51.4% pada tahun 1987/88 berbanding dengan 1986/87. Bagi Sessi 1989/90 pula bilangan permohonan meningkat lagi sebanyak 20%. Dengan adanya bilangan pelajar yang pesat meningkat ini Bahagian Sejarah telah menghadapi dua masalah besar, iaitu kekurangan bilangan pengajar, dan terdapatnya ramai pelajar yang kurang terdedah kepada cara-cara kajian sejarah yang tulin. Terdapat di kalangan pelajar yang mempunyai gred rendah di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, apatah lagi di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun mereka diwajibkan lulus dalam kursus Pengantar Sejarah yang ditawarkan pada tahun pertama pengajian di peringkat universiti. Setengah pelajar yang asasnya dari aliran sains, ingin mengambil ijazah Dwi-major Sastera-Sains, mungkin hanya mempunyai kelayakan sejarah di peringkat Sijil Rendah Pelajaran sahaja. Memang benar

pelajar-pelajar yang mempunyai kurang pendedahan kepada pelajaran sejarah di peringkat sekolah menengah itu tidak semestinya akan gagal di peringkat universiti. Malah, ada juga yang lebih berjaya dari pelajar-pelajar sastera yang mengambil mata pelajaran sejarah di peringkat sekolah. Namun bilangan yang kurang berjaya atau lemah dan yang sederhana jauh melebihi bilangan yang sebaliknya.

Beberapa orang pelajar yang bermajor sejarah pernah menemui saya dan menyatakan kebimbangan mereka tidak dapat menjawab soalan-soalan sejarah dengan baik kerana mereka kurang berkeyakinan tentang cara hendak menjawab. Sekali lagi ini membuktikan bahawa mereka masih terkungkung dengan pendekatan ‘lulus periksa’ sahaja. Malah, terdapat juga yang berterus terang menyatakan kepuasan hati mereka jika mereka boleh meraih gred ‘C’, ataupun ‘D’.

Di kalangan pelajar-pelajar yang sederhana pencapaian mereka, ramai juga yang rajin berusaha. Mereka memang menghabiskan banyak masa untuk membaca bahan-bahan rujukan yang digalakkan oleh pensyarah. Namun, mereka mengambil masa yang cukup panjang untuk memahami satu atau dua muka surat. Ini adalah disebabkan oleh kelemahan Bahasa Inggeris. Oleh kerana terlalu kecewa, ramai di kalangan mereka yang terpaksa mencari bahan-bahan rujukan lain di dalam Bahasa Malaysia, walaupun mungkin rujukan pilihan mereka itu kurang memuaskan. Terdapat juga kadang-kadang, pelajar yang merujuk kepada buku panduan Sijil Pelajaran Malaysia untuk menjawab tugas di peringkat universiti. Hasilnya memanglah tidak memuaskan.

Pelajar-pelajar ini memanglah mempunyai beban yang berat. Pertama, mereka mesti memahami fakta-fakta sejarah. Kedua, mereka perlu memberikan interpretasinya. Untuk berbuat demikian, mereka perlu mempunyai pemikiran yang matang. Ini hanya boleh dicapai jika mereka berupaya membuat bacaan yang luas, yang ditulis oleh berbagai penulis sejarah (yang banyak menulis dalam Bahasa Inggeris) yang bertentangan pendapat. Bagi pelajar-pelajar yang lemah penguasaan bahasa mereka, masa selama empat belas minggu dalam satu semester itu amatlah terhad, sedangkan mereka perlu juga menyediakan mata pelajaran lain yang mungkin sama atau lebih berat masalahnya.

### **Bagaimana Mengkaji Sejarah**

Sebelum mengikuti kajian sejarah, pelajar haruslah terlebih dahulu mengetahui konsep dan tujuan serta matlamat sejarah itu dikaji. Sebenarnya ‘sejarah’ mempunyai beberapa konsep atau takrif, dan setiap satunya masih boleh diperdebatkan. Bidang sejarah sangatlah luas. Ia merangkumi segala kajian mengenai kehidupan manusia, secara umum ataupun khusus, yang boleh dipecahkan kepada beberapa sub-bidang yang berbeza, seperti sejarah politik, ekonomi dan sosial. Setiap satu sub-bidang itu pula boleh lagi dipecahkan kepada sub-bidang lain yang lebih khusus, seperti sejarah revolusi, sejarah pemerintahan, sejarah perperangan, sejarah diplomatik, dan lain-lain, yang masih tergolong ke dalam sejarah politik. Di bawah sejarah ekonomi pula ia boleh dibahagikan kepada sejarah pertanian, sejarah perdagangan, sejarah perlombongan, sejarah perkapalan, dan lain-lain. Demikian juga sejarah sosial boleh diperincikan kepada kajian sejarah antara kelas, sejarah pendidikan, sejarah perkembangan pemikiran, sejarah bahasa, dan sebagainya. Oleh kerana tindak tanduk manusia itu tidak terpisah dari unsur-unsur kemanusiaan yang lain, maka kajian sejarah mengenai satu sub-bidang itu tidak akan sempurna jika dikaji dari satu sudut sahaja. Contohnya, jika seseorang hendak mengkaji tentang kemiskinan sesuatu kumpulan masyarakat, ia harus juga mengkaji bukan sahaja tentang cara mata pencarian masyarakat yang dikaji, tetapi juga tentang ada atau tidak adanya unsur-unsur luar yang menekan perkembangan mereka, seperti

pemerintahan kukubesi, atau kuasa hegemony di tangan sekumpulan yang kecil, atau tekanan susunlapis masyarakat itu sendiri. Dengan lain-lain perkataan, untuk memahami sejarah ekonomi sesuatu kumpulan itu, pengkaji harus juga meneliti unsur-unsur politik dan masyarakat.

#### a) Mentafsir Fakta

Kajian sejarah bukan semata-mata mengkaji peristiwa-peristiwa yang telah berlalu. Masa yang telah berlalu itu memang mempunyai berbagai-bagai peristiwa, tetapi peristiwa-peristiwa tersebut tidak akan membawa apa-apa makna jika ia tidak ditafsirkan. Untuk mentafsirkan sejarah, pengkaji mesti mengetahui fakta-fakta sejarahnya dahulu. Fakta-fakta itu pula adalah hakikat-hakikat yang lebih tetap, seperti Melaka telah jatuh ke tangan orang-orang Portugis pada 1511. Maklumat ini tidak boleh diubah lagi, kecuali kalau ada orang yang boleh membuktikan dengan menggunakan fakta-fakta yang baru bahawa kejatuhan Melaka di tangan Portugis tidak berlaku pada tahun itu. Tetapi, soal mengenai perhubungan di antara raja dan rakyat Melayu di Melaka masih boleh ditafsirkan dengan berbagai pendapat.

Seorang pengkaji boleh membuktikan dan kemudian mengatakan bahawa rakyat Melayu tidak pernah menderhaka kepada rajanya. Di sini pengkaji itu mungkin telah menggunakan bukti-bukti dari buku **Sejarah Melayu** atau yang lain-lain, yang menggambarkan bagaimana Sultan Mahmud, dengan sewenang-wenangnya telah membunuh Bendahara dan keluarganya semata-mata kerana baginda tidak dapat mengahwini anak perempuan Bendahara tersebut. Baginda juga suka cepat mempercayai maklumat-maklumat yang disampaikan kepadanya tanpa siasat dan terus bertindak. Walau bagaimanapun tindak tanduk sultan tidak ditentang oleh rakyat. Malah, Bendahara Tun Mutahir sendiri telah melarang anaknya dan orang-orangnya dari menentang utusan Sultan mahmud yang diarah untuk membunuhnya, kerana ini, "... hendak membinasakan nama orang tua-tuakah? Kerana adat Melayu, tiada pernah menderhaka" (*Sejarah Melayu*, 1977).

Namun begitu, perhubungan di antara sultan dan rakyat bukanlah semudah yang telah diperkatakan oleh Bendahara tersebut. Seperti satu waadat atau perjanjian yang telah disetujui di antara Demang Lebar Daun (seorang rakyat) dan Sang Sapurba (raja) dalam **Sejarah Melayu**, supaya jika anak cucu Demang Lebar Daun 'berdosa sebesar-besarnya pun, jangan difadhilatkan, dinista dengan kata-kata yang jahat; jika besar dosanya dibunuh, itupun jika berlaku pada Syarak.' Sebaliknya Sang Sapurba meminta supaya Demang Lebar Daun (DLD) berjanji pula supaya anak cucunya tidak durhaka kepada anak cucunya (Sang Sapurba), 'jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun.' Ini disetujui oleh DLD dengan syarat jika anak cucu raja mengubah waadat ini, maka anak cucunya juga boleh berbuat demikian (1977).

Cerita mengenai penderhakaan Hang Jebat menentang tindakan sultan yang telah menghukum sahabat baiknya, Hang Tuah, sudah cukup masyhur untuk menggambarkan bahawa pahlawan Melayu pernah juga menderhaka kerana difikirkannya raja telah berlaku zalim. Cerita Sultan Mahmud mangkat dijulang tidak berbeza dari peristiwa ini. Namun, pengkaji-pengkaji sejarah ada yang menyokong kewajaran ketaatan Hang Tuah terhadap raja yang tidak dapat dipersoalkan - pantang Melayu menderhaka. Sebaliknya ramai juga yang mengesahkan perbuatan Hang Jebat itu sebagai langkah yang patut kerana seperti yang telah dipersetujui di dalam waadat, jika raja berubah maka rakyat juga sah berubah (Abdul Rahman Haji Ismail, 1985).

Apa yang telah ditunjukkan di atas ialah sejarah boleh ditafsirkan mengikut pendapat ahli sejarah itu. Oleh itu kita mungkin akan berhadapan dengan beberapa tafsiran sejarah mengenai satu isu. Di sini pelajar-pelajar biasa keliru kerana mereka tidak tahu yang mana yang akan mereka ambil sebagai tafsiran yang paling betul. Sebenarnya, ‘betul’ atau ‘tidak betul’ tidak harus dijadikan sesuatu kesimpulan, sehingga pelajar telah membuktikan bahawa tafsiran itu telah dibuat dengan adil berdasarkan kepada fakta-fakta yang nyata. Walau bagaimanapun kita juga perlu sedar bahawa dalam sejarah terdapat banyak fakta. Jadi fakta-fakta yang mana patut dipilih untuk dijadikan bukti kepada tafsiran pengkaji terpulanglah kepada minat pengkaji itu. Pemilihan ini sedikit sebanyak akan dipengaruhi oleh kecondongan dan kecenderungan seseorang terhadap persoalan yang telah ditimbulkannya. Namun, sejarah mesti ditulis atau ditafsir secara objektif. Di sini pelajar sejarah harus peka kepada kecondongan-kecondongannya sendiri dan matlamat ia mengkaji sejarah itu. Sebarang penyelewengan ke atas fakta-fakta, walaupun bertujuan untuk mendapatkan hasil yang difikirkan baik, tidak boleh diterima dalam pentafsiran sejarah (Department of Education and Science, 1967). Oleh itu pelajar sejarah harus berupaya untuk mengawal perasaannya supaya tidak terseleweng dalam membuat kesimpulan searahnya. Seperti mana yang telah dikatakan oleh Oakeshott, (Burston, 1963) mengenai pengkajian sejarah, bahawa ia mesti ditulis secara terpisah dan tidak terlibat, tanpa perasaan dan bukan sebagai peserta, secara objektif dan tanpa berminat, dan bukan dari pandangan seorang peserta semasa.

Bagi contoh-contoh di atas mengenai pendapat tentang perhubungan di antara raja dan rakyat Melayu di Melaka pada zaman kesultanan Melayu, jelas ada dua pandangan, yang mengatakan orang Melayu pantang menderhaka, dan juga pendapat bahawa rakyat Melayu boleh menderhaka. Pelajar harus menyemak semula bukti-bukti yang telah digunakan oleh pengkaji sejarah itu. Ia juga patut mengkaji pendapat dari pengkaji-pengkaji sejarah yang lain dan membuat perbandingan, tentang pentafsiran mereka. Akhirnya pelajar boleh membuat tafsirannya sendiri yang mungkin menyetujui atau membangkang pendapat yang sedia ada, ataupun membuat tafsiran yang baru pula (Furguson, 1967).

#### b) Membuat Penilaian

Beyer (1971) telah menyarankan beberapa perkara yang terlebih dahulu harus dipunyai oleh pelajar. Di antaranya ialah:

- i) Pelajar perlu berpengetahuan mengenai sumber-sumber asas tentang maklumat, laporan dari orang-orang lain, pengetahuan menggunakan perpustakaan, surat khabar, memahami syaranan, dan berupaya membuat penilaian.
- ii) Pelajar boleh mewujudkan konsep-konsep yang menyimpulkan dan mengeluarkan pengetahuan,
- iii) Pelajar sedar tentang adanya proses penyelidikan yang rasional, bagaimana ia dijalankan, dan apakah hubungkait atau perbezaannya dengan proses penyelidikan yang lain,
- iv) Pelajar juga mempunyai pendirian dan penilaian sendiri. Ia mesti sedar tentang kepentingan bukti sebagai ujian tentang ketepatan, tidak condong kepada mana-mana pihak, sabar menghadapi kekaburuan, bersifat ingin mengetahui dan ‘imaginative’.

Pelajar tidak harus membuat kesimpulan terlebih dahulu sebelum ia menguji semua fakta. Akhirnya pelajar harus yakin terhadap dirinya sendiri apabila ia membuat kesimpulan.

- c) Menulis Sejarah Penulisan sejarah memang satu cara menulis dan membaca tentang peristiwa-peristiwa yang telah berlalu (Fenton, 1966). Tulisan dan bacaan serta kajian mungkin berubah mengikut zaman (Department of Education and Science, 1967). Oleh itu pelajar harus juga menghormati tafsiran-tafsiran sejarah yang berbeza kerana kajian sejarah sepatutnya merangkumi siri latihan untuk **mengemukakan** dan **menyelesaikan** masalah-masalah dan bukan hanya untuk menyelesaikannya sahaja (Watts, 1972). Oleh itu pelajar adalah juga dikehendaki untuk mengemukakan soalan-soalan yang berasaskan naluri ingin tahunya. Ia mesti memutuskan apakah soalan yang ingin diselidikinya, lalu mencari dan menyusun bukti-bukti untuk menerangkan hujah-hujahnya (Fenton, 1966).

Pelajar juga boleh membuat hipotesis. Tetapi ia mesti memilih data-data bagi membuktikan kebenarannya, dan sentiasa menyemak semula hipotesisnya apabila ia menemui bukti-bukti yang baru. Dalam hal ini penyelidikan atau kajian sejarah tidak mungkin ada hentinya. Namun kita sebagai manusia biasa mempunyai had-hadnya. Jadi kajian sejarah juga terhad oleh keupayaan pelajar atau pengkaji sejarah. Dengan itu juga kita boleh ‘selamat’ dari tuduhan-tuduhan pengkaji yang lain di atas ‘kekurangan’ kita itu dengan, pertama sekali menegaskan tentang had-had kajian kita itu. Misalnya, di dalam kajian tentang sejarah ekonomi di Malaysia, kita mesti tentukan secara khusus apakah yang kita hendak kaji itu. Adakah ia satu kajian perbandingan di antara satu zaman dengan satu zaman yang lain, seperti, sejarah ekonomi di zaman Kesultanan Melayu dan zaman pemerintahan British. Atau, adakah ia satu kajian tentang perkembangan ekonomi di zaman British sahaja. Kalau ya, apakah yang hendak diselidiki, kesannya, perubahan-perubahan dari dasar ekonomi mereka, kepentingan ekonomi Malaysia *vis-a-vis* kepentingan penjajahan. Semua ini boleh dikaji dalam satu tulisan atau dalam beberapa tulisan yang berasingan bergantung kepada umum atau khususnya kajian itu. Di sini pelajar boleh ‘tepuk dada tanya selera’ sendiri. Maka, memanglah kajian sejarah itu luas dan tidak ada muktamadnya, sama ada dari segi bidang kajian ataupun persoalannya. Hasil kajian itu pula akan dinilai dari segi kesimpulannya, bukti-bukti dan cara penggunaan bukti-bukti itu, keobjektifan penulisan, pengluasan bacaan, dan kesedarannya tentang adanya perbahasan-perbahasan mengenai isu yang sama oleh pengkaji-pengkaji yang lain. Ternyata jika semua ini diambil kira, maka kesimpulan pelajar mengenai sesuatu persoalan sejarah itu harus berbeza. Mungkin jika kesimpulan penyelidikan itu sama, bukti-bukti yang digunakan untuk hujahan sepatutnya berbeza. Jadi kesimpulannya itu boleh menegaskan lagi kebenaran hipotesis yang telah dikemukakan terdahulu. Apa yang penting di sini adalah cara pembuktian yang menuju kepada kesimpulan, dan bukan kesimpulan itu sendiri. Contohnya, Paul Kratoska telah membuktikan bahawa Inggeris tidak mempunyai dasar tertentu untuk tidak membenarkan orang-orang bukan Melayu dalam kegiatan pertanian padi (1982). Sebaliknya, Lim Teck Ghee (1984) dalam tulisan yang lain telah membuktikan pula bahawa Inggeris memang mempunyai dasar mengekhaskan kegiatan ini kepada orang-orang Melayu dan tidak menggalakkan orang-orang bukan Melayu dalam kegiatan ini. Dalam tulisan yang lain pula, Badriyah Haji Salleh (1988) telah membuktikan bagaimana orang-orang Melayu secara perlahan-lahan telah ‘di-petanikan’. Semua kajian ini menjawab soalan pengkaji masing-masing mengenai dasar Inggeris terhadap orang-orang Melayu dan bukan Melayu yang ada persamaan dan perbezaannya.

Pelajar mesti menilai sesuatu tulisan atau kajian sebelum membuat kesimpulan. Contohnya, dalam kajian tentang perkembangan penjajahan dalam kurun yang ke 18 hingga ke 20, terdapat ramai pengkaji yang telah memberikan hipotesis- hipotesis yang berlainan kenapa penjajahan dilakukan. D.K.Fieldhouse (1967) misalnya, berpendapat bahawa penjajahan diasaskan oleh dorongan rebutan kuasa politik oleh negara-negara yang berkuasa di Eropah terhadap negara-negara yang lemah dan mundur, seperti di Asia dan Afrika. Setiap kuasa cuba hendak mendahului yang lainnya dalam rebutan ini, seperti Britain, Prancis, Jerman ataupun Russia. Mereka telah menggunakan berbagai alasan untuk mengesahkan tindak tanduk mereka berbuat demikian. Fieldhouse juga menambah bahawa sebab penjajahan boleh juga dimulakan oleh tindak tanduk individu, sebab kerajaan pusat mendapat lebih mudah membenarkan tindakan orang di tempat kejadian dari mengecam atau menolaknya, seperti Andrew Clarke yang telah menandatangani Perjanjian Pangkor pada 1874 dengan sendirinya membuat perjanjian dengan negara yang kemudian dijajahnya, kerana perbuatan mereka telah mengikat kuasa negara ibunda dengan tanggungjawab yang terpaksa mereka pikul. Robinson dan Ghallagher (1967) pula berpendapat bahawa penjajahan itu digerakkan oleh kerana kesedaran kuasa-kuasa tertentu yang sudah mencapai taraf kebudayaan yang begitu tinggi sehingga mereka merasakan bahawa tujuan mereka menjajah adalah untuk mempertingkatkan kebudayaan negara yang masih mundur, kerana "keupayaan mereka (penjajah) untuk memperbaiki keadaan manusia di mana-mana adalah sekutu kemampuan mereka mengeluarkan kekayaan." Mereka juga berpendapat bahawa kekacauan di negara yang dijajah, seperti Afrika, telah memaksa kuasa Eropah untuk bertapak (R.Robinson dan J.Ghallagher, 1967). Ini boleh dibandingkan dengan peperangan saudara yang sangat lumrah pada pertengahan kurun yang ke 19 di negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Seterusnya ramai juga pengkaji sejarah yang lain yang lantang mengatakan bahawa unsur penjajahan tidaklah lain kecuali kerana sebab-sebab ekonomi. Marx, Lenin dan lain-lain yang bersepakat dengannya, berjaya mengutarakan hujah-hujah yang meyakinkan, walaupun di kalangan mereka ada juga perbezaan pendapat tentang dorongan ekonomi yang menjadi katalisnya (Albert Szymanski, 1981).

Apabila pelajar mengikuti setiap hujah yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji, seharusnya beberapa persoalan dapat ditimbulkan, seperti: siapakah pengkaji itu, adakah ia merupakan seorang ahli politik pada zamannya; adakah ia seorang ahli parti liberal atau buruh; adakah ia seorang pemegah bangsanya; adakah ia seorang ahli akademik, seorang tuan tanah, yang mungkin mempengaruhi pendiriannya. Ini semua dapat dirasai oleh pelajar apabila ia telah membaca beberapa artikel/kajian yang ditulis oleh pengkaji yang sama, ataupun pelajar telah membuat perbandingan dengan kajian-kajian yang lain mengenai isu yang sama. Tidaklah pula keterlaluan jika pelajar boleh juga membuat kajian mengenai kedudukan negara-negara yang dijajah pada zaman sebelum penjajahan, supaya ia boleh menilai sama ada negara yang dijajah pada masa itu mempunyai pilihan ataupun tidak.

Memang berat tugas seorang pelajar bagi menilai kajian sejarah. Tidak ada jalan pendek untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman. Bacaan yang banyak sepatutnya didorong oleh perasaan ingin tahu yang semula jadi dan bukan yang dipaksakan. Buku merupakan sumber yang utama dalam pengkajian sejarah. Namun pelajar-pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi patut juga mengenali sumber-sumber asli. Semakin tinggi tahapnya, maka sepatutnya bertambah rapat lagilah ia dengan sumber-sumber asli ini.

Dalam memperkatakan mengenai sumber, kita harus jelas tentang perbezaan di antara sumber "pertama" dan sumber "kedua". Suntharalingam telah memetik definisi "sumber pertama" oleh Arthur Marwick sebagai bahan-bahan yang wujud dalam keadaan asas, mentah (dan) tidak sempurna, manakala "sumber kedua" ialah tulisan ahli sejarah seperti "karya sejarah yang tersusun, rencana, disertasi atau buku". Jika kita ambil definisi ini sebagai asas, maka kita boleh katakan bahawa sumber pertama itu boleh termasuk bahan-bahan seperti dokumen, rekod, monumen, artifek, foto, tape dan sebagainya, yang belum ditafsirkan lagi oleh sesiapapun (R.Suntharalingam, 1985). Sedangkan sumber kedua adalah tulisan yang dihasilkan dari pentafsiran bahan-bahan asli tadi.

Apabila kita telah mengkaji kedua-dua jenis sumber di atas, sama ada dalam bentuk asli ataupun yang sudah direncanakan, maka kita bolehlah membuat penilaian sendiri dengan menyoalkan keterangan yang manakah yang kita fikirkan boleh diterima, dan kenapa. Jika sumber itu merupakan sumber kedua, kita boleh soalkan apakah persoalan yang dikemukakan oleh pengarang; adakah pendapat pengarang ini sama atau berbeza dengan pendapat pengarang lain yang telah menulis mengenai isu yang sama. Jika pendapat mereka berbeza yang manakah yang lebih meyakinkan kita? Kenapakah kita fikir pendapat itulah yang lebih meyakinkan? Mengikut Fenton (1966), seorang ahli sejarah yang cekap adalah yang sentiasa mencari sebab-sebab yang unik bagi membolehkan pentafsiran yang tepat.

Seterusnya, kesimpulan yang kita lakukan mengenai sesuatu isu sejarah itu kita susun di dalam bentuk rencana yang logikal dan meyakinkan pula, disertakan dengan bukti-buktii yang nyata dan boleh dipertahankan. Di sinilah keupayaan untuk menggunakan bahasa yang baik sangat mustahak. "Bahasa yang baik" bukan bermaksud bahasa yang menggunakan istilah-istilah yang sukar dan menakjubkan, tetapi bahasa yang mudah tetapi jelas. Penghujahan yang berrentetan, atau yang mempunyai kesinambungan yang licin yang boleh diikuti dengan senang adalah penting.

### Kesimpulan

Sejarah merupakan bidang yang hidup. Kajiannya sentiasa memerlukan pentafsiran yang boleh dibuat dari berbagai sudut dan pendekatan. Seorang pengkaji sejarah berhak untuk membuat kesimpulannya sendiri berdasarkan kepada sumber-sumber yang tulin dan penganalisan yang objektif. Dalam perbahasan mengenai isu-isu sejarah tidak ada satu jawapan yang mutlak. Oleh itu seorang pelajar sejarah harus menyiapkan diri dengan teknik pembelajaran sejarah yang betul supaya ia akan dapat berdikari dalam membuat kesimpulan-kesimpulan berhubung dengan persoalan-persoalan sejarah.

### Rujukan

Abdul Rahman Haji Ismail,: 'Kewibawaan Mutlak Raja dan Kesetiaan Mutlak Rakyat Kepada Raja: Satu Penilaian Semula Lunas Seperti Yang Terdapat di Dalam Kitab-Kitab Sastera Sejarah Melayu,' *Kajian Malaysia*, Jld. III, No.1, June 1985, ms. 32-57.

Badriyah Haji Salleh,: 'Proses Mempetanikan Orang-Orang Melayu di Daerah Batang Padang Perak di Akhir Kurun ke 19,' dalam Adnan Haji Nawang.(peny.), *Perak Dahulu Dan Sekarang*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium, 1988.

- Beyer, P.K.,: *Inquiry In The Social Studies Classroom: A Strategy For Teaching*. Columbus Ohio, Charles E. Merrill Publishing Co., 1971.
- Burston, W.H.,: *Principles of History Teaching*. London, Methuen & Co. Ltd., 1963.
- Department of Education and Science,: *Towards World History*. London, HMSO, 1967.
- Fenton, Edwin,: *Teaching The New Social Studies In Secondary Schools. An Inductive Approach*. New York, Holt, Rinehart & Winston Inc., 1966.
- Fieldhouse, D.K.,: *The Colonial Empires: A Comparative Survey From the Eighteenth Century*. New York, Delacorte Press, 1967.
- Furguson, Sheila,: *Projects In History For Secondary Schools*. London, B.T.Batsford Ltd., 1967.
- Khoo Kay Kim,: 'Problems Relating to School Certificate Examinations In History - A Teacher's View,' dalam *History Teaching Its Problems In Malaya*. Kuala Lumpur, University of Malaya History Department, 1964.
- Kratoska, P.,: 'Rice Cultivation and the Ethnic Division of Labour In British Malaya,' *Comparative Studies In Society and History*, 24:2, April 1982, ms. 280-314.
- History Teaching Its Problems In Malaya*. Kuala Lumpur, University of Malaya History Department, 1964.
- Lim Teck Ghee,: 'British Colonial Administration and the Ethnic Division of Labour.' *Kajian Malaysia*, Jld.,II, No.2, 1984, ms. 28-66.
- Neoh Thean Chye,: 'History Writing and History Teaching,' dalam *History Teaching Its Problems In Malaya*. Kuala Lumpur, University of Malaya, History Department, 1964.
- Robinson R. and J. Gallagher and A. Denny, *Africa and the Victorians. The Official Mind Of Imperialism*. London, Macmillan, 1967.
- Sejarah Melayu*, diusahakan oleh W.G.Shellabear, Siri Kajian Sastera Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1977.
- Short, Anthony,: 'Problems of Teaching Modern History In The University,' dalam *History Teaching Its Problems In Malaya*. Kuala Lumpur, University of Malaya, Department of History, 1964.
- Suntharalingam,R.,: *Pengenalan Sejarah*, Kuala Lumpur, Marican & Sons (M) Bhd., 1985.
- Szymanski, Albert,: *The Logic of Imperialism*. New York, Praeger Publications, 1981.
- Watts, D.G.,: *The Learning of History*. London, Routledge, Kegan Paul, 1972.